



Aset: Jenis, Nilai & Peranannya dalam Ekonomi


DEFINISI ASET

Aset adalah sesuatu yang dapat menyimpan nilai faedah atau beberapa faedah terakru bagi pemilik ekonomi melalui pegangan atau penggunaan entiti tersebut dalam satu tempoh masa. Ia merupakan satu cara membawa nilai ke hadapan dari satu tempoh perakaunan ke tempoh yang lain. Aset boleh dibahagikan kepada aset bukan kewangan dan aset kewangan.

Sumber: SNA 2008

JENIS-JENIS ASET

❖ Aset terdiri daripada **Aset Bukan Kewangan** dan **Aset Kewangan**




Sumber: SNA 2008





JENIS-JENIS ASET



Sumber: SNA 2008





DEFINISI KOMPONEN ASET BUKAN KEWANGAN

BIL.	JENIS ASET	KETERANGAN	CONTOH
1.	Aset Bukan Kewangan	Aset yang tidak diklasifikasikan sebagai aset kewangan, yang seterusnya dibahagikan kepada aset yang dihasilkan dan aset tidak dihasilkan.	- Aset yang dihasilkan - Aset tidak dihasilkan
Aset yang Dihasilkan			
2.	Aset yang Dihasilkan	Aset bukan kewangan yang terwujud sebagai hasil daripada proses pengeluaran yang termasuk dalam batas pengeluaran SNA	- Aset tetap - Inventori - Barang berharga
3.	Aset Tetap	Aset yang dihasilkan yang digunakan berulang kali atau secara berterusan dalam proses pengeluaran selama lebih daripada satu tahun.	- Tempat Tinggal - Bangunan dan Binaan Lain - Jentera dan Kelengkapan - Ternakan - Cari Gali Mineral - Perisian Komputer - Hiburan - Kesusasteraan dan Kesenian Asal
4.	Bangunan Kediaman	Bangunan, atau bahagian tertentu bangunan, yang digunakan sepenuhnya atau terutamanya sebagai tempat tinggal, termasuk sebarang struktur berkaitan seperti garaj, serta semua kelengkapan tetap yang lazim dipasang dalam kediaman.	- Rumah bot - Tongkang - Karavan - Rumah bergerak
5.	Bangunan dan Binaan Lain	Bangunan bukan kediaman, struktur lain, serta pembangunan tanah.	- Hotel - Restoran - Sekolah
6.	Jentera dan Kelengkapan	Peralatan pengangkutan, jentera untuk peralatan teknologi maklumat, komunikasi dan telekomunikasi (ICT), serta jentera dan peralatan lain.	- Jentera - Peralatan pejabat - Peralatan perubatan (cth: mesin x-ray) - Perabot
7.	Ternakan	Haiwan ternakan berada di bawah kawalan, tanggungjawab, dan pengurusan terus unit institusi	- Haiwan ternakan untuk pembiakan - Lembu tenusu - Biri-biri
8.	Cari Gali Mineral	Cari gali dan penilaian mineral terdiri daripada nilai perbelanjaan untuk penerokaan petroleum dan gas asli termasuk penilaian seterusnya terhadap penemuan yang dibuat.	- Kos pra-lesen - Kos lesen dan perolehan - Kos penilaian - Kos ujian penggerudian dan pengorekan sebenar
9.	Perisian Komputer	Program komputer, penerangan program, dan bahan sokongan untuk kedua-dua perisian sistem dan perisian aplikasi.	- Pembangunan awal dan pengembangan perisian - Pemerolehan salinan perisian

Sumber: SNA 2008





DEFINISI KOMPONEN ASET BUKAN KEWANGAN

BIL.	JENIS ASET	KETERANGAN	CONTOH
10.	Hiburan, Kesusasteraan dan Kesenian Asal	Filem asal, rakaman bunyi, manuskrip, pita, model, dan sebagainya, yang menjadi medium rakaman atau pewujudan persembahan drama, siaran radio dan televisyen, persembahan muzik, acara sukan, serta hasil kesusasteraan dan seni.	• Filem asal • Rakaman bunyi • Manuskrip • Pita • Model
11.	Inventori	Barangan dan perkhidmatan yang dipegang oleh pengeluar untuk dijual, digunakan dalam pengeluaran atau kegunaan lain pada masa hadapan.	• Bahan mentah • Kerja dalam proses • Barang siap • Barangan untuk dijual semula
12.	Barang Berharga	Barangan dihasilkan yang mempunyai nilai yang tinggi dan tidak digunakan terutamanya bagi tujuan pengeluaran atau penggunaan tetapi dipegang sebagai penyimpan nilai dari semasa ke semasa.	• Logam berharga (emas, perak) • Batu permata berharga • Barangan antik • Karya seni
Aset Tidak Dihasilkan			
13.	Aset Tidak Dihasilkan	Aset bukan kewangan yang terwujud melalui cara selain daripada proses pengeluaran.	• Sumber semula jadi • Kontrak, sewa dan lessen • Goodwill dan asset pemasaran yang dibeli
14.	Tanah	Permukaan bumi, termasuk lapisan tanah dan sebarang permukaan air yang terlibat, di mana hak pemilikan dikuatkuasakan dan daripada mana manfaat ekonomi boleh diperolehi oleh pemiliknya melalui pemilikan atau penggunaannya.	• Tanah pertanian • Tasik • Sungai
15.	Aset Sumber Asli Bawah Tanah	Sumber bawah tanah seperti arang batu, minyak dan gas asli, mineral logam atau mineral bukan logam yang boleh dieksploitasi secara ekonomi, berdasarkan teknologi semasa dan harga relatif.	• Arang batu • Minyak • Gas asli • Mineral logam • Mineral bukan logam
16.	Paten	Lesen yang memerlukan pembayaran bagi perkhidmatan atau pemerolehan sesuatu aset.	• Paten ubat baru • Paten teknologi • Paten peralatan mekanikal
17.	Goodwill	Keseluruhan atau sebahagian daripada nilai bersih sesuatu unit institusi.	• Ekuiti jenama • Reputasi
18.	Lesen dan Pajak	Sesuatu aset pemiliknya apabila perjanjian tersebut menghadkan penggunaan atau bekalan umum bagi produk yang tertakluk kepada perjanjian itu, dan meningkatkan manfaat yang diperolehi oleh pihak dalam perjanjian melebihi apa yang akan diperolehi sekiranya bekalan tidak dihadkan.	• Lesen penangkapan ikan • Lesen minyak dan gas • Sewa tanah kerajaan • Sewa bangunan komersial

Sumber: SNA 2008





DEFINISI KOMPONEN ASET KEWANGAN

BIL.	JENIS ASET	KETERANGAN	CONTOH
1.	Aset Kewangan	Semua tuntutan kewangan, saham atau ekuiti lain dalam syarikat, serta jongkong emas yang dipegang oleh pihak berkuasa monetari sebagai aset rizab.	- Emas Monetari & Hak Pengeluaran Khas (SDR) - Mata Wang & Deposit - Sekuriti Hutang - Pinjaman - Ekuiti & Saham Dana Pelaburan - Insurans, Pencen & Skim Jaminan Piawai - Derivatif Kewangan & Opsyen Saham Pekerja - Akaun Lain Belum Bayar & Belum Terima - Item Memorandum
Emas Monetari & Hak Pengeluaran Khas (SDR)			
2.	Emas Monetari	Emas yang hak miliknya dipegang oleh pihak berkuasa monetari (atau entiti lain yang berada di bawah kawalan berkesan pihak berkuasa monetari) dan disimpan sebagai aset rizab.	Jongkong emas
3.	Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)	Aset rizab antarabangsa yang diwujudkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan diperuntukkan kepada negara anggota bagi melengkapkan aset rizab sedia ada.	SDR daripada IMF
Mata Wang & Deposit			
4.	Mata Wang	Wang kertas dan syiling yang mempunyai nilai nominal tetap serta dikeluarkan atau dibenarkan oleh bank pusat atau kerajaan.	- Mata wang - Syiling
5.	Deposit Boleh Pindah Milik	Semua deposit yang boleh ditukar kepada wang kertas dan syiling atas permintaan pada nilai tara tanpa sebarang penalti atau sekatan, serta boleh digunakan secara langsung untuk membuat pembayaran melalui cek, draf, arahan giro, debit/kredit langsung atau kemudahan pembayaran langsung yang lain.	- Akaun semasa - Deposit atas permintaan - Draf bank - Cek bank - Deposit antara bank - Giro atau pemindahan elektronik
6.	Kedudukan antara Bank	Tuntutan dan liabiliti kewangan antara bank dengan bank yang lain, sama ada dalam bentuk deposit, pinjaman atau urus niaga kewangan lain, yang dikelaskan secara berasingan bagi mengelakkan kekeliruan antara deposit dan pinjaman.	- Deposit antara bank - Pinjaman antara bank - Pemindahan melalui sistem pembayaran antara bank
7.	Deposit Boleh Pindah Milik Lain	Deposit di mana salah satu atau kedua-dua pihak dalam urus niaga, atau sama ada pemiutang atau penghutang atau kedua-duanya, bukan bank.	- Akaun semasa syarikat dengan pembekal - pemindahan elektronik antara individu
8.	Deposit Lain	Deposit lain terdiri daripada semua tuntutan, selain deposit boleh pindah milik, yang diwakili oleh bukti pemilikan deposit.	- Deposit simpanan - Deposit tetap - Sijil deposit tidak boleh niaga

Sumber: SNA 2008

5





DEFINISI KOMPONEN ASET KEWANGAN

BIL.	JENIS ASET	KETERANGAN	CONTOH
9.	Sekuriti Hutang	Instrumen boleh niaga yang berperanan sebagai bukti hutang.	- Bon - Debentur - Sekuriti bersandarkan aset
10.	Sekuriti Hutang Jangka Pendek	Sekuriti yang mempunyai tempoh matang asal satu tahun atau kurang.	- Bil perbendaharaan - Sijil deposit boleh niaga - Penerimaan jurubank (BA) - Kertas komersial
11.	Sekuriti Hutang Jangka Panjang	Sekuriti hutang jangka panjang merangkumi sekuriti yang mempunyai tempoh matang asal melebihi satu tahun.	- Bon - Debentur - Nota jangka panjang - Sekuriti bersandarkan aset (ABS)
Pinjaman			
12.	Pinjaman	Aset kewangan yang terhasil apabila pemiutang memberikan pinjaman secara langsung kepada penghutang dan dibuktikan melalui dokumen yang tidak boleh dipindah milik.	- Overdraif - Pinjaman ansuran - Kredit sewa beli - Pinjaman untuk membiayai kredit perdagangan - Sekuriti - Perjanjian pembelian semula (repo) - Pertukaran emas - Pembiayaan melalui pajakan kewangan
13.	Perjanjian Jangka Pendek	Pinjaman jangka pendek merangkumi pinjaman yang mempunyai tempoh matang asal satu tahun atau kurang.	- Overdraif - Pinjaman untuk membiayai kredit perdagangan - Sekuriti - Perjanjian belian semula (repo) - Pertukaran emas
14.	Perjanjian Jangka Panjang	Pinjaman jangka panjang merangkumi pinjaman yang mempunyai tempoh matang asal melebihi satu tahun.	- Pinjaman ansuran - Kredit sewa beli - Pembiayaan melalui pajakan kewangan
Ekuiti & Saham Dana Pelaburan			
15.	Ekuiti	Semua instrumen dan rekod yang mengiktiraf tuntutan ke atas nilai baki sesebuah perbadanan atau kuasi-perbadanan selepas semua tuntutan pemiutang telah diselesaikan.	- Saham tersenarai - Saham tidak tersenarai - Ekuiti lain
16.	Saham Tersenarai	Sekuriti ekuiti yang disenaraikan di bursa saham.	Saham syarikat yang disenaraikan di bursa saham.
17.	Saham Tidak Tersenarai	Sekuriti ekuiti yang tidak disenaraikan di bursa saham.	Saham syarikat persendirian
18.	Ekuiti Lain	Ekuiti yang bukan dalam bentuk sekuriti.	Pemilikan dalam perniagaan milikan tunggal atau perkongsian

Sumber: SNA 2008

6





DEFINISI KOMPONEN ASET KEWANGAN

BIL.	JENIS ASET	KETERANGAN	CONTOH
19.	Saham atau Unit Dana Pelaburan	Pelaburan berkumpul di mana para pelabur mengumpulkan dana untuk dilaburkan dalam aset kewangan atau aset bukan kewangan.	- Dana Bersama - Amanah saham
20.	Saham atau Unit Dana Pasaran Wang	Dana pelaburan yang dilabur hanya atau terutamanya dalam sekuriti pasaran wang jangka pendek seperti bil perbendaharaan, sijil deposit dan kertas komersial.	- Bil perbendaharaan - Sijil deposit - Kertas komersial
21.	Saham atau Unit Dana Pelaburan Lain	Tuntutan ke atas sebahagian daripada nilai sesuatu dana pelaburan yang telah ditubuhkan selain daripada dana pasaran wang.	- Amanah saham bon - Amanah saham ekuiti
Insurans, Pencen & Skim Jaminan Piawai			
22.	Simpanan Teknikal Insurans Bukan Hayat	Terdiri daripada bayaran awal premium bersih insurans bukan hayat dan rizab untuk memenuhi tuntutan insurans bukan hayat yang masih tertunggak.	- Premium belum diperoleh - Tuntutan belum selesai
23.	Tuntutan Insurans Hayat dan Anuiti	Tahap tuntutan kewangan pemegang polisi terhadap entiti yang menawarkan insurans hayat atau menyediakan anuiti.	Perbezaan antara premium bersih belum diperoleh dan tuntutan belum bayar
24.	Tuntutan Pencen	Tahap tuntutan kewangan pesara sedia ada dan bakal pesara terhadap majikan atau dana yang ditetapkan oleh majikan untuk membayar pencen yang diperoleh sebagai sebahagian daripada perjanjian pampasan antara majikan dan pekerja.	Perbezaan antara sumbangan bersih belum terima dan faedah belum dibayar
25.	Tuntutan Dana Pencen terhadap Pengurus Pencen	Hak kewangan yang dimiliki oleh dana pencen ke atas pengurus atau entiti yang dilantik untuk menguruskan dana tersebut.	
26.	Peruntukan untuk Tuntutan di bawah Jaminan Standard	Bayaran awal yuran bersih dan peruntukan untuk memenuhi tuntutan tertunggak di bawah jaminan piawai.	- Yuran belum diperoleh - Tuntutan belum diselesaikan
Derivatif Kewangan & Opsyen Saham Pekerja			
27.	Derivatif Kewangan	Instrumen kewangan yang berkait dengan instrumen kewangan, penunjuk tertentu, atau komoditi, yang membolehkan risiko kewangan tertentu diniagakan secara berasingan di pasaran kewangan.	- Kontrak opsyen - Kontrak hadapan
28.	Kontrak Opsyen	Kontrak yang memberikan pembeli opsyen hak, tetapi bukan kewajipan, untuk membeli atau menjual sesuatu instrumen kewangan atau komoditi pada harga yang telah ditetapkan dalam tempoh masa tertentu (opsyen Amerika) atau pada tarikh tertentu (opsyen Eropah).	Waran

Sumber: SNA 2008

7





DEFINISI KOMPONEN ASET KEWANGAN

BIL.	JENIS ASET	KETERANGAN	CONTOH
29.	Kontrak Hadapan	Kontrak kewangan tanpa syarat yang mewakili obligasi untuk diselesaikan pada tarikh yang ditetapkan. Kontrak niaga hadapan dan kontrak hadapan lain biasanya, tetapi tidak selalu, diselesaikan melalui pembayaran tunai atau penyediaan instrumen kewangan lain, bukannya penghantaran sebenar aset asas, dan oleh itu dinilai serta diniagakan secara berasingan daripada aset asas tersebut.	- Pertukaran kadar faedah - Perjanjian Kadar Hadapan (FRA) - Pertukaran mata wang asing - Kontrak hadapan mata wang asing - Pertukaran kadar faedah rentas mata wang
30.	Opsyen Saham Pekerja	Satu perjanjian yang dibuat pada tarikh tertentu di mana seorang pekerja boleh membeli sejumlah saham majikan pada harga yang telah ditetapkan sama ada pada tarikh tertentu atau dalam tempoh masa tertentu yang selepas tarikh hak tersebut diperoleh.	- Saham bank - Saham syarikat utiliti - Saham syarikat teknologi
Akaun Lain Belum Bayar & Belum Terima			
31.	Kredit Perdagangan & Pendahuluan	Kredit perdagangan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberikan kepada syarikat, kerajaan, NPISH, isi rumah, dan pihak luar negara, serta pendahuluan bagi kerja yang sedang dijalankan (jika diklasifikasikan sedemikian di bawah inventori) atau yang akan dilaksanakan.	- Invois pembekal - Diskaun pembayaran pantas - Talian kredit pembekal
32.	Lain-lain	Akaun belum terima dan belum bayar, selain daripada yang telah diterangkan sebelum ini, iaitu jumlah yang tidak berkaitan dengan penyediaan barangan dan perkhidmatan.	- Cukai - Dividen - Pembelian dan jualan sekuriti - Sewa - Gaji dan upah - Sumbangan sosial
Item Memorandum			
33.	Pelaburan Langsung Asing (FDI)	Kategori pelaburan antarabangsa yang mencerminkan objektif sebuah entiti yang bermastautin dalam satu ekonomi untuk memperoleh kepentingan jangka panjang dalam sebuah perusahaan yang bermastautin dalam ekonomi lain	- Membuka kilang atau cawangan baru di luar negara - Membeli atau mengambil alih syarikat tempatan
34.	Pinjaman Tidak Berprestasi (NPL)	Sebuah pinjaman dianggap tidak berprestasi apabila pembayaran faedah atau prinsipal tertunggak selama 90 hari atau lebih, atau pembayaran faedah yang setara dengan 90 hari atau lebih telah dikapitalisasi, dibiayai semula, atau ditangguhkan melalui persetujuan, atau pembayaran tertunggak kurang daripada 90 hari tetapi terdapat sebab lain yang kukuh (seperti penghutang memfailkan kebangkrutan) yang menimbulkan keraguan bahawa pembayaran akan dibuat sepenuhnya.	- Pinjaman peribadi tertunggak - Pinjaman perniagaan tertunggak - Pinjaman rumah tertunggak

Sumber: SNA 2008

8





PENILAIAN ASET

- SNA 2008: Aset dan liabiliti hendaklah dinilai pada **harga pasaran** atau **setara harga pasaran** pada masa ia direkodkan.



RINGKASAN

Kaedah	Jenis Aset Utama	Prinsip Penilaian
Kaedah Pengumpulan dan Penilaian Semula Transaksi	Aset Tetap, Struktur, Mesin	Kos semasa aset baru - susut nilai
Kaedah Nilai Kini Pulangan Masa Depan	Sumber Semula Jadi, Hutan, Mineral	Nilai kini pulangan masa depan yang dijangka
Kaedah Kos Penggantian	Bangunan, Tanah, Aset Fizikal	Kos semasa untuk menggantikan aset seumpamanya

Sumber: SNA 2008





KEGUNAAN ASET

Balance Sheet



Aset Kewangan



- Penyata yang menunjukkan nilai aset dan liabiliti yang dimiliki oleh sesuatu unit institusi.
- Disediakan pada awal dan akhir tempoh perakaunan



Akaun Kewangan

- Sebahagian daripada akaun pengumpulan yang merekodkan transaksi kewangan, iaitu pemerolehan dan pelupusan aset kewangan serta pengambilan dan pelunasan liabiliti oleh unit institusi dalam tempoh tertentu

Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF)



Aset Bukan Kewangan



- Aliran yang menambah stok aset tetap dalam ekonomi.
- Dalam akaun modal, ia direkodkan sebagai pemerolehan aset tetap tolak pelupusan aset tetap



Balance Sheet

- Penyata yang menunjukkan nilai aset dan liabiliti yang dimiliki oleh sesuatu unit institusi.
- Disediakan pada awal dan akhir tempoh perakaunan

Stok Modal



- Ukuran kuantitatif bagi jumlah aset tetap yang tersedia untuk digunakan dalam pengeluaran.
- Ia berubah mengikut GFCF, susut nilai dan pelupusan.



Akaun Pengeluaran

- Merekodkan pengeluaran (output) dan penggunaan perantara.
- Nilai tambah kasar (GVA) yang terhasil menjadi asas kepada pembentukan modal tetap kasar (GFCF) dalam akaun modal.
- Aset bukan kewangan yang dihasilkan (seperti aset tetap) mula dicipta melalui aktiviti pengeluaran.

